

29/01/2002

Shariman pamer aksi cemerlang

Hussain Said

SHARIMAN Rusdee Morshidi melakukan permulaan cemerlang buat kontinjen negara apabila menjuarai acara basikal park final pada hari pembukaan Kejohanan Asian X Games Junior III dan Qualifier IV yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Taman KLCC semalam.

Kejayaan peserta kelahiran Sibu itu menyaksikan dia berpeluang cerah untuk mengungguli pertandingan Basikal BMX Stunt kategori junior sekali gus merebut tiket berlatih di Woodward Camp di Pennsylvania, Amerika Syarikat.

Namun, penuntut Sekolah Menengah Bantuan Tung Hua, Sibu itu yang mula bergiat dalam sukan itu sejak umur tujuh tahun perlu memenangi salah satu acara final hari ini - best trick atau flatland - jika berhajat untuk muncul juara keseluruhan.

Ini kerana penentuan kejuaraan pertandingan itu ditentukan menerusi himpunan mata tertinggi dalam dua daripada tiga acara yang dipertandingkan iaitu park, best trick atau flatland.

Shariman yang baru berusia 12 tahun dan lebih dikenali dengan nama panggilan Boboy berkata dia hanya akan memfokuskan tumpuan dalam acara best trick dan tidak mengambil bahagian dalam flatland hari ini.

"Kejayaan hari ini (Isnin) membuktikan latihan setahun bagi menghadapi kejohanan kali ini berhasil. Bagaimanapun, perjuangan masih belum selesai dan saya terpaksa mengharungi satu lagi ujian esok (Selasa).

"Saya yakin mampu mengulangi persembahan gemilang yang dilakukan hari ini sekali gus melakar sejarah menjuarai pertandingan kali ini," katanya yang menduduki tempat kelima dalam penyertaan sulung di Phuket, Thailand dua tahun lalu.

Dalam saingan semalam, Shariman yang lebih muda berbanding peserta lain membuktikan faktor usia bukan halangan kepadanya mempamerkan skil dan aksi menarik serta mendebarkan di udara.

Aksinya hebatnya jelas bukan saja memukau tumpuan penonton tetapi hakim pertandingan yang memberikannya mata tertinggi, 92.75 daripada 17 peserta yang bersaing.

Tempat kedua diraih peserta dari Thailand, Nuttapol Suwannatat yang menghimpun 91 mata dan Zameer Abdul Malek dari Singapura menduduki tempat ketiga (85.50).

Jurulatih negara, Morshidi Jafaar Ali yang juga bapa Shariman merumuskan kejayaan itu hasil semangat dan kegigihan anaknya menjalani latihan sejak tahun lalu.

"Saya rasa dia tidak menghadapi masalah mengungguli pertandingan kali ini. Kejayaan hari ini pasti mencetuskan semangat kepadanya. Malah, pengalaman sulung ketika beraksi di Phuket dua tahun lalu turut membantunya," katanya.

Sementara itu, kontinjen negara turut berpeluang memenangi pingat dalam pertandingan memanjat tembok tiruan (acara bouldering) apabila dua peserta, Wan Malik Aldam Hassan dan Mohd Sharizad Asri melayakkan diri ke final hari ini.

Keputusan:

Basikal Park Final - Shariman Rusdee Morshidee (Mas) 92.75 mata, 2 Nuttapol Suwannatat (Tha) 91.0, 3 Zameer Abdul Malek (Sin) 85.50, 4 Md Fauzi Salleh (MAS) 82.75, 5 Shih-Yun Huang (Tpe) 81.75
Separuh akhir bouldering lelaki (memanjat tembok tiruan) - 1 Ming Hong Lee (HKG), 2 Ja Bee Kim (Kor), 3 Thomas Farrel (Aus), 4 Tim Clarke (Aus), 5

Wan Malik Aldam Hassan (Mas).

Separuh akhir bouldering wanita: 1 Joanne Songalia (Phi), 2 Shengju Wei (Chn), 3 Elizabeth Libby Hall (Aus), 4 Ja In Kim (Kor), 5 Chaterine Cassie Crane (Aus)

Hari ini:

(Kategori junior) - 10pg-2ptg: Klinik dan sesi latihan; 2.30-3.30ptg: Flatland final (Basikal BMX Stunt); 3.30-4.30ptg: Best Trick Final (Basikal BMX Stunt), 5.30-6.30ptg: Bouldering Final (memanjat tembok tiruan); 7.15-8.30mlm: speed final (memanjat tembok tiruan)

(Semua pertandingan di Taman KLCC dan masuk percuma).

(END)